Pemuda dan Belenggu





Wadah Khanfar
Diterjemah oleh Nuha Farid

impress

Pemuda dan *Belenggu*

Wadah Khanfar
Presiden Al-Sharq Forum

Diterjemah oleh Nuha Farid

IMPRESS
2026

Diterbitkan

impress

Alamat No 6, Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sungai Besi Indah,
43300 Seri Kembangan, Selangor
Email ikrammudapusat@gmail.com
Tajuk Pemuda & Belenggu
Karya Asal *Risalah Hammah Ila Syabab al-Muslimin*
Penulis Wadah Khanfar
Penterjemah Nuha Farid
Penyunting Usaid Asmadi
Pruf Baca Syazwan Hakim & Nazurah Mansor
Reka Kulit Nawal Irdina
Reka Letak Abu Haura'

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana isi kandungan daripada buku ini bagi tujuan jualan dalam apa-apa bentuk dan cara tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit. Ebook ini diedarkan secara percuma dan terbuka.

IMPRESS adalah rumah penerbitan komersial di bawah IKRAM Muda Malaysia.

MUKADIMAH PENTERJEMAH

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani,

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ
فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنسَانُ إِنَّهُ كَانَ
ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٢٧﴾

"Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan

kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan."

(Surah al-Ahzab 33:72)

Segala puji bagi Allah SWT yang telah mengamanahkan manusia dengan tanggungjawab yang besar. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, qudwah terbaik sepanjang zaman yang telah membimbing manusia memahami makna amanah dan memikulnya dengan penuh kesedaran daripada kegelapan menuju cahaya kebenaran. Dengan limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, naskhah kecil ini berjaya diterjemahkan dan dihadiahkan kepada para pembaca khususnya buat pemuda dan pemudi.

E-buku *Pemuda dan Belenggu* ini merupakan terjemahan daripada sebuah ucapan yang disampaikan oleh Wadah Khanfar. Beliau merupakan seorang tokoh media dan pemikir strategik dunia Arab yang pernah memimpin Al-Jazeera Media Network. Beliau juga dikenali dengan gagasan pemikiran yang menekankan kebangkitan umat melalui kesedaran, jaringan, dan pembinaan visi masa depan.

Keistimewaan Wadah Khanfar terletak pada ucapannya yang mampu mengajak pendengar untuk

berfikir dan merenung serta keupayaannya dalam membaca zaman. Lebih penting, beliau mampu membaca potensi pemuda dalam zaman ini.

Beliau tidak melihat pemuda hanya sebagai pewaris masa hadapan, tetapi sebagai pencipta masa hadapan itu sendiri. Dalam wacananya, pemuda kini adalah generasi yang memiliki segala prasyarat kebangkitan: akses ilmu tanpa batas, jaringan global yang pantas, serta ruang untuk berfikir dan membina tanpa sekatan yang amat berbeza daripada generasi terdahulu.

Namun, di sebalik semua kelebihan ini beliau juga memberi satu peringatan yang tajam. Kata beliau, bahaya terbesar bukanlah kelemahan fizikal atau kekurangan sumber, tetapi kemiskinan visi. Apabila pemuda gagal membina gambaran alternatif terhadap realiti, mereka akhirnya akan tunduk dan mengabdi kepada sistem yang rosak, lalu mengulangi kegagalan demi kegagalan.

Atas kesedaran ini juga, penulisan bertajuk *Bangkit dari Belenggu* ditulis bersama naskhah ini. Dalam dunia yang sedang berganjak ini, pemuda tidak boleh terus terperangkap dalam belenggu pemikiran yang sempit, apatah lagi sekadar menjadi pemerhati terhadap isu dunia yang sedang berlaku pada hari ini. Kebangkitan bermula apabila kita berani

membebaskan cara fikir, membina kesedaran dan melihat diri sebagai sebahagian daripada pencorak masa hadapan.

Sebagai penterjemah yang masih amatur, naskhah terjemahan ini bukan hasil saya seorang secara peribadi. Ia adalah hasil kerjasama erat bersama kumpulan IMPRESS yang sangat memberi sokongan, ulasan dan bantuan sepanjang proses terjemahan sehingga e-buku ini dapat disiapkan. Proses penterjemahan ini bukan sekadar pemindahan kata demi kata, tetapi juga satu usaha memahami konteks, emosi, dan maksud yang tersirat di sebalik setiap ungkapan. Dalam beberapa keadaan, penyesuaian dilakukan bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan kekal jelas tanpa menghilangkan makna asalnya. Justeru, setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada kumpulan IMPRESS yang telah memberikan bimbingan, semakan, dan dorongan sepanjang proses penerbitan ini.

Kepada pembaca, rasalah bahawa amanah ini Allah letakkan di bahu manusia. Pada hari ini, ia perlu terus dikerjakan oleh generasi pemuda. Oleh itu, naskhah ini bukan sekadar bacaan, ia adalah untuk direnung, digerakkan, dan diterjemahkan dalam bentuk tindakan. Ia mengajak pemuda untuk keluar daripada belenggu pemikiran sempit,

membina jaringan kesedaran dan berani memikul tanggungjawab sebagai generasi yang akan menentukan arah masa depan umat.

Akhir kata, saya berharap agar terjemahan ini menjadi wasilah untuk membangkitkan jiwa, menyemai kesedaran, dan menggerakkan langkah. Semoga Allah SWT memilih kita untuk menjadi sebahagian daripada generasi yang bukan sahaja memahami realiti tetapi mampu mengubahnya.

Segala kekurangan dalam terjemahan ini adalah daripada kelemahan saya sebagai manusia dan segala kebaikan itu datangnya daripada Allah SWT.

Wallahu a'lam. Selamat membaca dan merenung.

Nuha Farid
Seremban, Negeri Sembilan
06 Zulkaedah 1447H / 24 April 2026



PROFIL PENULIS

Wadah Khanfar merupakan seorang tokoh media dan pemikir global yang berpengaruh. Beliau kini merupakan Pengasas Bersama dan Pengerusi Al-Sharq Forum.

Beliau memulakan kerjayanya bersama rangkaian Al-Jazeera pada tahun 1997 dan telah ditugaskan di pelbagai zon politik paling kritikal di dunia termasuk di Afrika Selatan, Afghanistan, dan Iraq. Beliau juga telah dilantik sebagai Ketua Biro Baghdad sebelum bertugas sebagai Pengarah Urusan, kemudian menjadi Ketua Pengarah pada 2003.

Beliau telah menerajui Al-Jazeera sebagai Ketua Pengarah selama lapan tahun. Di bawah kepimpinan beliau, Al-Jazeera mengalami transformasi besar daripada sebuah saluran tunggal kepada sebuah

rangkaian media gergasi antarabangsa yang merangkumi Al-Jazeera Arabic, Al-Jazeera English, Al-Jazeera Documentary dan Al-Jazeera Centre for Studies. Sewaktu perkhidmatan beliau juga telah menjadi saksi kepada peristiwa bersejarah dunia Arab iaitu peristiwa *Arab Spring*.

Sumbangan dan pemikiran beliau telah diiktiraf di peringkat global apabila dinamakan sebagai salah seorang daripada "100 Pemikir Global Terbaik" oleh majalah *Foreign Policy* (2011). Beliau juga disenaraikan sebagai salah seorang daripada "Orang Paling Kreatif dalam Perniagaan" oleh majalah *Fast Company* (2011).

Beliau mempunyai latar belakang akademik yang luas dan pelbagai melalui pengajian pasca siswazah dalam bidang falsafah, pengajian Afrika dan politik antarabangsa. Sebagai seorang sarjana dan penulis, beliau telah menghasilkan sebuah karya yang mengupas sirah Nabawiyyah daripada sudut pandang baharu. Buku beliau diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan tajuk *Musim Bunga Pertama: Biografi Rasulullah SAW dari Lensa Strategi dan Politik*. Buku ini membawa kita memahami strategi dan politik pada zaman baginda yang boleh kita manfaatkan di era kita.

"Demi Allah, kalian tidak akan benar-benar menikmati hidup dan menjalani kehidupan ini jika kalian tidak mempunyai misi, matlamat, usaha dan pengorbanan dalam kehidupan."

Wadah Khanfar

PEMUDA DAN BELENGGU

Wadah Khanfar

Wahai para pemuda kami, bebaskanlah diri kalian daripada belenggu-belenggu ini. Sekurang-kurangnya secara pemikiran supaya apabila tiba saat yang sesuai dan peluang terbuka, kita dapat melaksanakan pendekatan-pendekatan ini.

Perkara yang paling berbahaya ialah apabila minda kita kosong daripada melihat visi-visi alternatif terhadap realiti yang sedang kita hadapi. Lalu kita terus mengabdi kepada suatu realiti yang gagal. Akhirnya, ia hanya menemui kegagalan demi kegagalan tanpa penghujungnya.

Kita memerlukan kepada sebuah gambaran alternatif. Realiti semasa yang kita ada iaitu realiti negara yang terpecah-belah tidak boleh dibiarkan berterusan. Realiti terhadap situasi kebergantungan kepada Barat juga perlu diubah. Krisis ekonomi, sosial dan politik di dunia Arab hanya akan berakhir apabila realiti perpecahan ini berubah.

Kita perlu mula berfikir bersama-sama. Kita perlu membentuk rangkaian yang menghubungkan rakyat Yaman, rakyat Mesir, rakyat Maghribi bersama-sama rakyat Algeria serta rakyat negara Teluk untuk berkomunikasi sesama mereka, serta bersama-sama memikirkan tentang projek dan visi ini.

Kita perlu menghidupkan kembali perkara ini.

Dikatakan alasannya ialah kita sudah kehilangan peranan golongan intelektual yang berkumpul dan berfikir. Baik, tidak mengapa, biarlah kami yang menawarkan diri kami untuk duduk berkumpul dan menjadi pemikir, dengan izin Allah. Hal ini sebenarnya mudah untuk dilakukan. Zaman kini tidak memerlukan kos ataupun satu perjalanan jauh yang memerlukan pembelian tiket penerbangan. Cukup duduk dan bina rangkaian yang kalian inginkan.

Gunakan semangat zaman ini untuk menghidupkan visi baharu. Gunakan juga semangat zaman ini untuk membebaskan diri daripada kesan-kesan kegagalan generasi masa lalu.

Saya merayu agar kalian tidak mengulangi apa yang telah kami lakukan dahulu. Kami adalah generasi yang telah berusaha bersungguh-sungguh dan melakukan banyak perkara penting pada masa yang

lalu. Mungkin kalian semua adalah hasil daripada usaha generasi kami. Kami percaya bahawa kami berjaya dalam beberapa perkara, dan juga gagal dalam beberapa perkara. Namun, percayalah! Peranan kalian berbeza daripada peranan kami.

Generasi kalian perlu membuat lonjakan dalam pemikiran, perancangan dan pengorganisasian. Jangan sekali-kali kalian hidup dalam keadaan yang sama seperti mana keadaan kami dahulu. Ia hanya akan menghasilkan keputusan yang sama seperti yang telah kami capai sebelum ini. Jika sesuatu itu sesuai pada suatu zaman, ia mungkin tidak lagi sesuai hari ini. Namun, jika ia gagal, kalian akan mewarisi kegagalan itu. Insya-Allah, kalian boleh melakukan yang lebih baik.

Saya sebenarnya ingin menyampaikan suatu penutup kepada para pemuda dan pemudi kita dari seluruh dunia Arab dan Islam. Dengarlah wahai semua, kalian sebenarnya lebih dari mampu berbanding kami dalam aspek kreativiti. Perkara ini tidak diragukan sama sekali. Saya mengakuinya dan menyerahkan hak itu kepada kalian.

Mengapa? Kerana Allah SWT telah datangkan kepada kalian satu zaman di mana semua kemudahan sudah tersedia terutamanya kemudahan ilmu pengetahuan. Dahulu, apabila seseorang ingin

membaca sebuah buku, dia perlu pergi mencari perpustakaan, masuk ke dalamnya, dan mungkin diberi buku itu atau mungkin tidak. Kadang-kadang dia terpaksa menyalin, juga kadang-kadang terpaksa menulis semula. Malah, membaca buku dahulu dianggap suatu kemewahan. Sesiapa yang tidak mempunyai wang tidak akan mampu membaca buku.

Hari ini, ilmu pengetahuan sudah tersedia untuk kalian semua. Namun, pada masa yang sama, yang baik dan yang buruk juga turut tersedia. Ini adalah satu perkara yang sangat penting. Oleh itu, berusahalah untuk memperoleh kesedaran dan ilmu ini melalui sumber-sumber yang ada dan sahih. Demi Allah! Allah akan mempersoalkan kalian semua.

Sesungguhnya, apa yang kalian lihat pada hari ini merupakan satu keajaiban bagi kami. Generasi kami tidak pernah mengalami keadaan seperti ini. Bayangkan kalian membuka komputer dan mendapati berjuta-juta buku tersedia di hadapan kalian, lalu kalian memilih sendiri apa yang ingin kalian baca. Kalian juga mempunyai kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) yang menyediakan artikel, buku dan ringkasannya untuk kalian. Perkara ini dahulu dianggap sebagai sesuatu yang mustahil dan luar biasa. Seolah-olah hanyalah khayalan dan

mimpi yang berlaku di dunia lain. Namun, kalian sedang mengalaminya hari ini.

Maka, manfaatkanlah peluang ini. Ambillah yang bermanfaat dan tinggalkanlah yang tidak berguna. Banyak kandungan media sosial hanyalah perkara remeh yang tidak mempunyai apa-apa nilai.

Berusahalah untuk membina keperibadian yang sebenar. Tidak wajar ketika darah sedang tertumpah di Gaza dan di pelbagai wilayah dunia Arab dan Islam, dalam masa yang sama kita bersikap dangkal dalam pemikiran. Minda kita menjadi berserabut dengan perkara-perkara remeh dan kita hanya sibuk meniru antara satu sama lain. Ini semua adalah perkara kosong yang tidak bermakna dan sia-sia.

Kita sepatutnya bangkit untuk mencapai tahap yang mampu memikul beban tanggungjawab. Ketika Nabi ﷺ memberi peringatan kepada kita dan bersabda bahawa hanya satu daripada seratus yang benar-benar layak; "Manusia itu seperti seratus ekor unta. Hampir tidak ditemukan seekor pun yang layak dijadikan tunggangan". Saya mahu kalian semua menjadi "tunggangan" itu. Apa yang dimaksudkan dengan "tunggangan" di sini ialah lelaki atau wanita istimewa yang mampu memikul tanggungjawab, yang yakin bahawa warisan agung ada di belakangnya dan masa depan yang gemilang

di hadapannya. Ini adalah amanah yang berada di tangannya.

Justeru, jangan berkata: "Biarlah orang lain ditempat lain daripada hujung dunia yang bekerja." Tidak. Kalian! Kalianlah yang sepatutnya bertindak dan bekerja.

Paling penting dalam segala perkara yang dilakukan ialah kerja keras yang bersungguh-sungguh. Itulah kehidupan yang baik dan bermakna. Perhatikan! Ada orang yang berkata, "Wahai saudaraku, aku hanya mahu berseronok di dunia dan menjalani hidupku." Demi Allah, kalian tidak akan benar-benar menikmati hidup dan menjalani kehidupan ini jika kalian tidak mempunyai misi, matlamat, usaha dan pengorbanan dalam kehidupan.

Bahkan, jika kalian dihalangi dengan banyak perkara yang bersifat material pun, perasaan tenang, kepuasan hati, dan rasa cukup tetap ada dan akan datang kepada kalian. Begitu juga dengan akal yang akan berkembang dalam minda dan kepala kalian. Semua ini adalah nikmat Allah, janganlah kalian mengabaikannya.

Kehidupan yang baik adalah kehidupan yang kita usahakan, bukan kehidupan yang penuh dengan

hiasan atau kehidupan kebendaan semata-mata. Inilah kehidupan yang baik.

Barangsiapa yang berpaling daripada mengingati Allah SWT, sebagaimana Allah SWT berfirman, maka bagi dirinya kehidupan yang sempit dan sukar[1]. Walaupun dia kaya, atau menjadi seseorang yang luar biasa seperti seorang jutawan yang kaya raya, kehidupannya tetap akan terasa sempit dan tidak tenang.

Manakala bagi orang yang beriman, Allah SWT akan memberikannya kehidupan yang baik tanpa mengira jumlah harta yang dimilikinya.

Nabi kita ﷺ wafat tanpa mempunyai akaun bank, berbilion harta, wang tunai, dinar, kereta mahupun kapal terbang. Namun, Baginda ﷺ adalah makhluk paling mulia di sisi Allah. Sekiranya Allah SWT mahu mengurniakan kemuliaan melalui harta benda, maka seluruh khazanah bumi pun tidak mencukupi untuk diberikan kepada Baginda Nabi ﷺ.

Oleh itu, saya ingin menyampaikan pesanan terakhir kepada kalian semua, bahawasanya insya-

1 Al-Quran, Surah Taha ayat 124 yang bermaksud, "*Dan sesiapa yang berpaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu, maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit, dan Kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta"*

Allah, setiap seorang daripada kalian akan menjadi golongan yang mencapai tahap mampu memikul beban tanggungjawab yang besar.

Dan jika kalian merasa takut terhadap masa depan, jangan takut! Kerana Islam sebenarnya hidup di masa hadapan.

Ini adalah pandangan saya, dan saya berpendapat bahawa kemanusiaan kini sedang bergerak ke arah sistem nilai baru. Sistem nilai baru ini telah tertanam kukuh dalam diri kita, tertanam dalam agama kita, budaya kita, dan warisan kita.

Insya-Allah, kita akan menjadi rakan kongsi dengan seluruh dunia dalam membina sistem baharu ini selepas kegagalan sistem yang lama. Bukan sahaja pada sistem ideologi, tetapi pada seluruh sistem yang memerintah dunia sehingga hari ini yang telah memusnahkan semua nilai dan hampir menjerumuskan dunia ke arah kehancuran. Semuanya gara-gara ketamakan dan kerakusan yang berasaskan kapitalisme dan materialisme Barat.

BANGKIT DARI *BELENGGU*

Nuha Farid

Lebih 1,400 tahun yang lalu, ada dua kuasa terbesar dunia berperang sesama mereka. Empayar Rom dan Parsi; dua empayar gergasi yang telah mendominasi dunia selama hampir tujuh abad saling menghancurkan satu sama lain.

Waktu itu, Makkah hanyalah sebuah kota kecil. Tiada tentera. Tiada pengaruh politik. Hanya sekumpulan kecil manusia yang berpegang kepada satu kebenaran di tengah-tengah padang pasir yang tidak dipandang oleh sesiapa pun.

Dalam suasana itu, turun wahyu yang mengejutkan:

> *"Alif Lam Mim. Telah dikalahkan bangsa Rom, di bumi yang terdekat. Dan mereka, setelah kekalahan ini, akan menang semula dalam beberapa tahun."*
> (Surah Ar-Rum, 30: 1-4)

Persoalannya, mengapa Allah memberitahu kepada Nabi ﷺ tentang perang antara dua tamadun besar yang kelihatannya tiada kaitan langsung dengan umat Islam? Lebih menghairankan, ketika itu umat Islam masih kecil dan lemah.

Jawapannya, ia bukan sekadar berita atau pemberitahuan.

Ia adalah peta strategik untuk mengubah tatanan dunia.

Dunia Sedang Berganjak, Adakah Kita Sedar?

Wadah Khanfar, bekas Ketua Pengarah Al Jazeera dan salah seorang pemikir paling berpengaruh di dunia hari ini menyatakan sesuatu yang perlu kita renungkan dalam-dalam:

> *"Kita sedang menyaksikan keruntuhan kitaran tamadun Barat dan keruntuhan tatanan dunia antarabangsa (serentak). Ini adalah momen bersejarah yang luar biasa."*

Sistem dunia yang dibina selepas Perang Dunia Kedua seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Majlis Keselamatan dan mahkamah-mahkamah antarabangsa sedang runtuh dari dalam.

Bukan kerana diserang dari luar, tetapi kerana ia telah kehilangan sesuatu yang lebih asas iaitu legitimasi moral.

Kita semua sedang menyaksikannya.

Majlis Keselamatan PBB yang ditubuhkan khusus untuk menjaga keamanan dunia sudah tidak mampu mengeluarkan walaupun satu resolusi untuk menghentikan pembunuhan di Gaza. Nilai-nilai "hak asasi manusia" yang dilaung-laungkan selama berdekad-dekad lamanya terbukti hanya terpakai untuk segelintir manusia yang dipilih. Institusi-institusi yang sepatutnya menjadi benteng keadilan kini berdiri sebagai saksi bisu kepada sebuah kezaliman.

Wadah Khanfar mengingatkan kepada kita bahawa ini bukan fenomena baru dalam sejarah. Setiap tamadun besar mempunyai kitarannya. Ia bangkit, mencapai kemuncak, kemudian mulai reput dari dalam apabila nilai, idealisme dan gagasan yang menjadi asasnya mula ditinggalkan oleh generasinya sendiri. Empayar Rom dan Parsi juga melalui fasa yang sama sebelum mereka akhirnya tumbang.

Namun, tidak semua kitaran kejatuhan sesebuah empayar mempunyai sifat dan kesan yang sama.

Hal yang membezakan zaman kita hari ini dengan krisis-krisis sebelumnya dalam sejarah Islam seperti serangan Mongol ke atas Baghdad dan Perang Salib ialah pada waktu-waktu itu, walaupun umat Islam mengalami kekalahan yang dahsyat, nilai dan struktur tamadun dunia masih utuh. Sistem politik global masih kekal dan jelas. Nilai dan agama masih menjadi asas kehidupan. Institusi masyarakat juga masih berfungsi. Umat Islam masih mempunyai tapak untuk bangkit semula. Bertitik tolak daripada krisis itulah lahirnya tokoh seperti Salahuddin al-Ayyubi yang memimpin kebangkitan tersebut.

Hari ini, keadaannya jauh berbeza. Krisis yang dihadapi bukan sekadar kehilangan wilayah atau kalah dalam peperangan.Tetapi melibatkan juga keruntuhan yang berlaku serentak yakni pada keseluruhan susunan nilai, sistem dan dan logik moraliti dunia. Dunia hari ini bukan hanya melihat kejatuhan satu kuasa, tetapi sedang mengalami kegoyahan pada asas-asas yang selama ini menyokongnya. Kedua-duanya sedang runtuh serentak. Namun, dalam keruntuhan itulah tersembunyi peluang yang besar dalam sejarah moden.

Untuk kita.

Membaca Sirah dengan Kaca Mata yang Berbeza

Ramai di antara kita membaca Sirah Nabi ﷺ seperti membaca kisah seseorang yang berjaya bertahan daripada penindasan. Tidak diterima di Makkah, lalu berhijrah ke Madinah. Diserang bertubi-tubi, mempertahankan diri, dan akhirnya menang.

Bacaan itu tidak salah. Tetapi ia tidak tepat. Ada banyak kelompongan dan dimensi yang kita sering terlepas pandang apabila membaca sirah Nabi ﷺ.

Wadah Khanfar dalam bukunya *Musim Bunga Pertama*, mengajak kita membaca Sirah dengan kaca mata yang berbeza, iaitu kaca mata seorang ahli strategi (khususnya dalam dimensi sirah-geopolitik), bukan sekadar seorang pembaca sejarah. Apabila kita berbuat demikian, kita akan melihat sesuatu yang menakjubkan. Realitinya, Nabi ﷺ tidak sekadar bertindak balas kepada keadaan. Baginda membaca perubahan dunia dan bertindak mendahului masa melalui wahyu-wahyu yang baginda terima.

Kembali kepada Surah Ar-Rum yang ditulis pada awal makalah ini. Wahyu itu turun ketika Makkah masih sebuah kota kecil yang tidak dipandang oleh mana-mana kuasa besar. Namun Allah memberitahu Nabi ﷺ tentang dinamik perang antara Rom dan

Parsi yang merupakan dua empayar besar yang telah berkuasa selama lebih 700 tahun. Mesejnya bukan sekadar "Rom akan menang semula." Mesejnya adalah: *"Dunia sedang berubah. Sistem lama sedang retak. Bersiaplah untuk mengisi ruang yang akan ditinggalkan."*

Itulah yang mengilhamkan Nabi ﷺ kepada keperluan untuk membina pusat kuasa yang baru. Bukan sekadar terus berdakwah kepada Quraisy yang keras kepala, tetapi mencari tanah baru untuk mendirikan asas. Itulah yang membawa kepada peristiwa Hijrah dan penubuhan Madinah sebagai pusat kuasa Islam yang pertama.

Strategi yang Diajar oleh Wahyu

Apabila Madinah sudah dibangunkan, Nabi ﷺ tidak hanya duduk menunggu. Baginda membaca kekuatan musuh dan menyerang tepat di titik-titik yang paling kritikal.

Surah Quraisy mendedahkan dua tiang kekuatan Quraisy kepada Nabi ﷺ. Pertama, *ilaf* iaitu pakatan perdagangan mereka dengan kabilah-kabilah sepanjang laluan Laut Merah ke Syria untuk menjamin keselamatan dan kekayaan mereka. Kedua, penjagaan Kaabah yang memberikan

mereka legitimasi dan pengaruh spiritual di seluruh Semenanjung Arab.

Nabi ﷺ menyerang kedua-dua tiang ini secara sistematik.

Ekspedisi-ekspedisi (*sariyah*) awal Islam bukan sekadar serangan rawak. Ia adalah operasi strategik untuk memutuskan laluan perdagangan Quraisy ke Syria dan memaksa kabilah-kabilah sepanjang pantai beralih kesetiaan kepada Madinah. Perlahan-lahan, *ilaf al-Quraisy* digantikan dengan *ilaf al-Madinah*.

Kemudian, selepas Perang Khandak, Nabi ﷺ mengambil langkah yang lebih berani. Baginda dan umat Islam bergerak ke arah Makkah untuk menunaikan Umrah. Ini meletakkan Quraisy dalam dilema yang tidak ada jalan keluarnya. Jika mereka menghalang, mereka sendiri yang menghancurkan legitimasi mereka sebagai penjaga Kaabah. Jika mereka membenarkan, mereka mengiktiraf Madinah sebagai kuasa yang setara. Akhirnya, Quraisy mengerahkan pasukan untuk menghalang kemaraan mereka di kawasan Hudaibiyyah. Dari situlah bermulanya rundingan yang akhirnya membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiyyah.

Perjanjian Hudaibiyyah yang terhasil daripada peristiwa itu kelihatan seperti kompromi yang merugikan di mata ramai para sahabat. Sehinggakan sahabat seperti Saidina Umar al-Khattab berkata kepada Saidina Abu Bakar "*Bukankah kita dipihak yang benar? Dan mereka di pihak yang batil!*?". Pertanyaan ini menggambarkan betapa sukarnya beliau untuk menerima isi perjanjian yang berat sebelah itu.

Tetapi hakikatnya, ia adalah pengumuman kepada seluruh dunia Arab bahawa *ada kuasa baru yang perlu diambil kira*.

Satu lagi keputusan strategik Nabi ﷺ yang sering kita terlepas pandang dalam konteks Perang Rom-Parsi. Dunia ketika itu sedang menyaksikan dua kuasa besar saling berperang antara satu sama lain. Rom dan Parsi tidak sekadar berperang, tetapi sama-sama memasuki fasa keletihan selepas menghadapi konflik dalam tempoh yang panjang.

Pendekatan awal umat Islam dalam situasi ini tidak dibina atas logik mengejar pihak yang baru kalah iaitu Parsi walaupun secara zahir ia nampak lebih mudah. Sebaliknya, tumpuan Nabi ﷺ lebih banyak terarah kepada Rom (Byzantine), iaitu pihak yang sedang berada dalam fasa pemulihan selepas

kemenangan, seperti yang dapat dilihat dalam peristiwa Perang Mu'tah dan Perang Tabuk.

Ini menunjukkan satu logik yang lebih mendalam daripada persoalan memilih antara yang menang atau kalah. Rom tidak didekati kerana mereka kuat, tetapi kerana mereka masih kuasa yang sedang bangkit semula dan sedang membina kembali kestabilan.

Justeru, strategi awal Islam tidak dibina atas analisis siapa yang lemah semasa. Tetapi atas pembacaan terhadap arah kuasa yang sedang pulih dan ruang geopolitik yang masih terbuka.

Ini bukan kebetulan. Ini adalah kecerdasan geopolitik yang diajar terus oleh wahyu kepada Nabi ﷺ.

'Ummah' Tidak Cukup Sekadar Pada Perasaan

Kita sering memahami "Ummah" sebagai ikatan emosi. Merasa sebak apabila melihat gambar kanak-kanak di Gaza dan merasa marah apabila mendengar berita tentang saudara seagama yang ditindas di mana-mana ceruk dunia. Perasaan itu penting. Tetapi perasaan sahaja tidak mengubah apa-apa.

Wadah Khanfar mengingatkan kita kepada sesuatu yang lebih mendalam. Perkataan "Ummah" pertama kali digunakan secara rasmi dalam Piagam Madinah yang merupakan sebuah dokumen politik, sebuah perlembagaan dan sebuah perjanjian kolektif. Ia bukan sekadar ikatan perasaan mahupun bersifat nasionalistik, apatah lagi individualistik. Ia adalah entiti yang bergerak bersama dengan tujuan yang jelas dibawah satu payung besar iaitu 'Satu Ummah'.

Nabi ﷺ tidak menggunakan perkataan "negara" atau "empayar." Baginda menggunakan "Ummah" yakni sebuah konsep yang merentasi sempadan geografi, merentasi perbezaan agama, bangsa dan merentasi kepentingan sempit individu atau kumpulan.

Inilah yang menjadi kelemahan terbesar umat Islam hari ini. Sistem negara-bangsa yang diwarisi pasca penjajahan telah memecah-belahkan Ummah kepada puluhan entiti yang lebih setia kepada sempadan yang dilukis oleh penjajah daripada setia kepada ikatan ummah yang lebih besar. Kata Wadah Khanfar, pemimpin-pemimpin politik di dunia Islam, terlalu terikat dengan kepentingan negara masing-masing untuk berfikir secara kolektif.

Tetapi ada harapan. Dan harapan itu terletak pada generasi muda.

Ummah Tanpa Sempadan: Kuasa di Hujung Jari

Khanfar memperkenalkan satu konsep yang relevan untuk generasi kita iaitu Ummah Maya.

Generasi sebelum kita tidak mempunyai apa yang kita ada hari ini. Mereka tidak boleh berhubung dengan saudara seagama di seberang lautan dalam masa beberapa saat. Mereka tidak boleh berkongsi ilmu, membina jaringan, atau menggerakkan pendapat awam merentasi sempadan negara dengan hanya beberapa ketukan pada skrin.

Kita boleh.

Inilah yang menjadikan generasi muda hari ini berbeza daripada mana-mana generasi sebelumnya dalam sejarah Islam. Kita mempunyai alat. Kita mempunyai jaringan. Kita mempunyai akses kepada ilmu yang tidak pernah ada sebelum ini. Soalannya adalah adakah kita menggunakannya dengan tujuan yang betul?

Ummah Maya bukan bermaksud sekadar berkongsi video atau menulis status tentang isu-isu dunia Islam. Ia bermaksud ahli ekonomi Muslim dari Kuala Lumpur, Istanbul, Kaherah, dan Jakarta duduk bersama, walaupun secara maya untuk merancang strategi ekonomi kolektif. Ia bermaksud pendidik Muslim dari seluruh dunia bekerjasama

membina kurikulum yang menanamkan identiti kolektif, bukan nasionalisme sempit. Ia bermaksud pelajar-pelajar muda membina jaringan profesional yang merentasi sempadan, saling memperkuat, saling berkongsi peluang.

Ini bukan impian. Ini adalah keperluan strategik. Dari ummah untuk ummah.

Tiga Perkara yang Perlu Kita Lakukan Sekarang

Daripada pembacaan Sirah dan analisis keadaan semasa, Wadah Khanfar menyenaraikan tiga perkara yang perlu menjadi pegangan generasi muda Muslim hari ini.

Pertama: Kejelasan Visi.

Nabi ﷺ tidak pernah berganjak daripada tauhid walaupun ditawarkan harta, kuasa, dan kedudukan. Kejelasan tentang misi yang tidak boleh dikompromikan itulah yang memberikan baginda kekuatan untuk terus bertahan meskipun ketika di titik yang paling rendah. Kita perlu bertanya kepada diri sendiri tentang apa yang kita perjuangkan? Apa prinsip yang tidak akan kita jual walaupun dengan harga yang paling tinggi?

Kedua: Arah Strategik.

Mengkritik sistem yang rosak adalah kerja yang mudah. Semua orang boleh berbuat demikian. Yang sukar dan yang lebih bermakna adalah mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh sistem itu. Dunia tidak memerlukan lebih banyak suara yang marah. Dunia memerlukan pembina. Pembina institusi, pembina jaringan dan pembina alternatif yang boleh ditawarkan kepada manusia yang sedang kehilangan kepercayaan kepada sistem lama.

Ketiga: Imaginasi Masa Depan.

Ini mungkin yang paling penting tapi paling kurang diberikan perhatian. Umat Islam perlu ada kemampuan untuk menawarkan kepada dunia satu visi yang lebih baik. Bukan sekadar menjerit "sistem Barat itu salah dan zalim,". Tetapi berkata, "inilah yang kami tawarkan sebagai gantinya." Umat Islam pernah memimpin dunia dalam sains, perubatan, falsafah, ekonomi, dan keadilan. Warisan itu ada. Soalannya adalah sama ada kita cukup berani untuk menghidupkannya semula dalam konteks hari ini.

Penutup: Masa Kini Adalah Peranan Kita

Gaza bukan sekadar tragedi kemanusiaan. Ia adalah cermin yang memperlihatkan kepada seluruh dunia kepalsuan sistem yang selama ini kita percayai. Dalam kepalsuan yang terdedah itu, ada peluang yang tidak datang dua kali dalam satu generasi.

Surah Ar-Rum tidak diturunkan untuk memberitahu Nabi ﷺ tentang perang orang lain. Ia diturunkan untuk memberitahu baginda dan kita semua bahawa apabila dunia sedang berubah,inilah masanya yang tepat untuk bergerak. Bukan menunggu. Bukan meratap. Bukan sekadar menjadi penonton kepada sejarah yang sedang ditulis oleh orang lain.

Sejarah tidak pernah menunggu mereka yang ragu-ragu. Ia hanya mengingati mereka yang memilih untuk bertindak pada saat yang tepat.

Dan saat itu, kata Wadah Khanfar, adalah sekarang.

Soalannya tinggal satu.

Apa pilihan kita?

Penulisan ini diilhamkan daripada perbincangan Wadah Khanfar bersama Muhammad Jalal dalam podcast The Thinking Muslim bertajuk: "After Gaza: Muslims in a Post American Order with Wadah Khanfar."

RUJUKAN ASAL



"Demi Allah, kalian tidak akan benar-benar menikmati hidup dan menjalani kehidupan ini jika kalian tidak mempunyai misi, matlamat, usaha dan pengorbanan dalam kehidupan."

Wadah Khanfar

